

**Pernyataan Penting  
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2022**

**Menerima Kristus sebagai Roh kurnia dalam roh kita  
ialah proses yang berterusan sepanjang hayat;  
setiap hari, suatu transmisi divin yang mengagumkan  
harus berlangsung, yakni Tuhan Tritunggal  
membekalkan Roh kurnia dengan limpah lengkap,  
dan kita menerima Roh kurnia secara berterusan.**

**Kehidupan percayawan Wasiat Baru  
di bawah kurnia Tuhan dalam ekonomi Tuhan—  
kehidupan menyeluruh yang mengalami Tuhan Tritunggal yang terproses  
dan terkonsumsi sebagai kurnia—  
berkonsumsi dalam gereja sebagai Tubuh Kristus yang organik.**

**Kurnia ialah Kristus sebagai Pemikul beban kita  
dan dilipatgandakan terhadap kita menerusi penderitaan,  
pengehadan, dan kelemahan kita;  
semakin banyak beban kita,  
semakin banyak peluang untuk kita  
mengalami Kristus sebagai kurnia.**

**Hasil yang terkonsumsi dan muktamad  
bagi kurnia Tuhan dalam ekonomi-Nya  
ialah Tubuh Kristus sebagai puisi Tuhan  
untuk menjadi Yerusalem Baru,  
sebagai konsumsi keadilan Tuhan  
di langit baru dan bumi baru;  
kekayaan Tuhan sendiri  
yang menjadi kenikmatan kita melangkaui setiap batasan  
dan akan dipamerkan secara terbuka hingga keabadian.**

**Garis Kasar Mesej**  
**untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2022**  
**18-20 Februari 2022**

**SUBJEK AM:**  
**KURNIA TUHAN DALAM EKONOMI TUHAN**

Mesej Satu

**Makna yang Amat Penting tentang Kurnia Tuhan**  
**seperti yang Diwahikan dalam Wasiat Baru**

Bacaan Bible: Yoh. 1:14, 16-17; Ibr. 10:29; 1 Ptr. 5:10; Ef. 1:5-7; 2:7-8; Wahi 22:21

- I. Kurnia Tuhan mempunyai makna yang amat penting—Yoh. 1:14, 16-17; Ef. 2:7; Wahi 22:21:**
  - A. Kurnia ialah kebenaran terbesar dan wahi tertinggi dalam ekonomi Wasiat Baru Tuhan—Yoh. 1:14, 16-17; Ibr. 10:29; 1 Kor. 15:10; Flp. 4:23; Wahi 22:21.
  - B. Jika kita ingin memahami apanya kurnia Tuhan seperti yang diwahikan dalam Wasiat Baru, kita perlu mempunyai pandangan yang jelas tentang seluruh Wasiat Baru.
- II. Menurut Wasiat Baru, kurnia sebenarnya ialah apanya Tuhan bagi kita untuk kenikmatan kita—Yoh. 1:16-17; 2 Kor. 12:9:**
  - A. Kurnia ialah Tuhan bukan dari segi doktrin tetapi dari segi pengalaman kita, kerana kurnia ialah Tuhan dalam Kristus berserta segala apanya Dia untuk kenikmatan kita; ini termasuk hayat, kekuatan, pelipuran, rehat, cahaya, keadilbenaran, kekudusan, kudrat, dan atribut divin yang lain.
  - B. Kurnia terutamanya bukan kerja yang dilakukan oleh Tuhan untuk kita; kurnia ialah Tuhan Tritunggal sendiri yang didispenkan ke dalam diri kita dan menjadi pengalaman kita untuk kenikmatan kita—13:14.
  - C. Wasiat Baru ialah sejarah kurnia Tuhan, iaitu Tuhan Tritunggal yang berinkarnasi dalam Trinita Divin-Nya terproses dan terkonsumsi serta bergerak dan hidup dalam percayawan dan dalam kalangan percayawan—Yoh. 1:14, 16-17; Wahi 22:21.
- III. Kurnia ialah manifestasi Tuhan Tritunggal dalam perjasadan-Nya dari tiga aspek—Bapa, Anak, dan Roh—2 Kor. 13:14; Bil. 6:22-27; Mzm. 36:8-9:**
  - A. Kurnia ialah Tuhan Tritunggal dalam inkarnasi-Nya didispenkan ke dalam percayawan melalui Bapa sebagai sumber, Anak sebagai elemen, dan Roh itu sebagai aplikasi—2 Kor. 13:14:
    1. Sumber kurnia, elemen kurnia, dan aplikasi kurnia adalah kepunyaan ketiga-tiga persona dalam Trinita Divin untuk menjadi segala-gala bagi kita—Mat. 28:19.
    2. Dalam pendispenan divin, kurnia dipanggil kurnia Tuhan, kurnia Kristus, dan kurnia yang empunya Roh itu—1 Kor. 15:10; 2 Kor. 1:12; 8:1, 9; 9:14; 12:9; 13:14; Ibr. 10:29.
  - B. Kurnia ialah perjasadan Tuhan, yang telah menjadi Tuhan-manusia dengan mempunyai kedivinan dan keinsanan, melalui kehidupan insani, mati, bangkit, dan masuk ke dalam kenaikan ke syurga; kini Dia ialah Roh beri-hayat yang huni dalam kita—1 Kor. 15:45b; 6:17.
  - C. Kurnia ialah Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumsi untuk kita agar kita dapat menikmati-Nya—Yoh. 1:14, 16-17; 1 Ptr. 5:10; 2 Kor. 13:14; Ibr. 10:29; 1 Kor. 15:10, 45b; Wahi 22:21.
  - D. Tanpa diproses, Tuhan Tritunggal tidak dapat menjadi kurnia kepada kita—Yoh. 1:14; 1 Kor. 15:45b:
    1. Bapa terjasad dalam Anak, Anak direalisasikan sebagai Roh, dan Roh ini masuk ke dalam kita sebagai kurnia untuk kita nikmati—Ibr. 10:29.

2. Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumsi mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi bahagian kita sebagai kurnia agar kita dapat menikmati Dia sebagai segala-galanya dalam Trinitas Divin-Nya—2 Kor. 13:14.
- IV. Tuhan dan Bapa kita telah “mengurniai kita dalam Yang Dikasihi itu”—Ef. 1:6b:**
- A. Tuhan mengurniai kita bererti bahawa Dia meletakkan kita dalam kedudukan kurnia supaya kita menjadi objek kurnia-Nya dan objek kesayangan-Nya, iaitu supaya kita dapat menikmati segala apanya Tuhan kepada kita—ay. 6b:
    1. Oleh sebab kita berada dalam kedudukan kurnia dan merupakan objek kurnia, Tuhan berkenan kepada kita.
    2. Kegirangan Tuhan ada pada kita, kita juga bergembira dalam-Nya, dan akhirnya terdapatnya kenikmatan saling-menyaling; kita menikmati-Nya, dan Dia menikmati kita.
  - B. Yang Dikasihi itu ialah Anak yang dikasihi Tuhan, kepada-Nya Tuhan berkenan—Mat. 3:17; 17:5:
    1. Dalam Yang Dikasihi itu, kita telah dikurniai, iaitu dijadikan objek kesayangan Tuhan dan objek kegirangan-Nya—Ef. 1:6b.
    2. Sebagai objek sedemikian, kita menikmati Tuhan, dan Tuhan menikmati kita dalam kurnia-Nya dalam Yang Dikasihi-Nya, iaitu Dia yang diperkenan-Nya; dalam Yang Dikasihi-Nya, kita juga diperkenan-Nya—Mat. 3:17; 17:5.
- V. Dalam Efesus 2:8, Paulus berkata, “Melalui kurnia, kamu telah diselamatkan menerusi iktikad, dan ini bukan daripada dirimu tetapi berian Tuhan”:**
- A. Kurnia ialah Tuhan yang didispenkan ke dalam kita; oleh itu, diselamatkan melalui kurnia bermaksud diselamatkan melalui pendispenan Tuhan Tritunggal yang terproses ke dalam kita.
  - B. Efesus mewahikan bahawa kurnia yang menyelamatkan ialah Tuhan sendiri dalam Kristus digarapkan ke dalam diri kita; oleh itu, diselamatkan melalui kurnia sebenarnya bermaksud diselamatkan melalui pendispenan Tuhan Tritunggal ke dalam kita.
  - C. Apabila Tuhan Tritunggal yang terproses didispenkan ke dalam kita, Dia menjadi kurnia yang menyelamatkan kepada kita dalam pengalaman kita—2 Kor. 13:14.
- VI. Tuhan mempratakdirkan kita supaya kita beroleh keanakan, supaya “kemuliaan kurnia-Nya mendapat pujian”—Ef. 1:5-6a:**
- A. Kemuliaan ialah Tuhan diekspresikan (Kel. 40:34); *kemuliaan kurnia-Nya* menunjukkan bahawa kurnia Tuhan, iaitu Tuhan sebagai kenikmatan kita, mengekspresikan Tuhan sendiri.
  - B. Tuhan mempratakdirkan kita supaya kita beroleh keanakan, supaya ekspresi Tuhan dalam kurnia-Nya mendapat pujian, iaitu supaya kemuliaan kurnia-Nya mendapat pujian—Ef. 1:5-6a.
- VII. Tuhan akan “pada zaman-zaman akan datang,...memaparkan kekayaan kurnia-Nya yang melangkau dalam keihisan terhadap kita, dalam Kristus Yesus”—2:7:**
- A. Dalam keihisan terhadap kita, dalam Kristus Yesus, Tuhan telah menyelamatkan kita melalui kurnia-Nya; dalam keihisan sedemikianlah kurnia Tuhan diberi kepada kita—ay. 7; Roma 2:4.
  - B. Kekayaan kurnia Tuhan ialah kekayaan Tuhan sendiri didispenkan ke dalam kita untuk kita alami dan nikmati; kekayaan kurnia Tuhan melangkau setiap batasan.
  - C. Pada zaman-zaman akan datang—dalam zaman milenium dan keabadian—Tuhan akan mempamerkan kekayaan kurnia-Nya yang melangkau kepada seluruh alam semesta—Ef. 2:7.